

Kerjasama Industri dalam kampus bantu tingkat minat mahasiswa dalam industri tenusu

Berita Utama - 2



IASS kali ke-7: Belia bincang inovasi dalam keselamatan makanan

Fokus - 3



UPM Menerajui Usaha Kelestarian Kampus Hijau

Experts' Point of View - 10



Chancellor of UPM officiates HSAAS

By: Noor Eszereen Juferi

Photo By: Sabri Omar & Mohammad Izrul Abdul Jabar

SERDANG, 28 February – The Chancellor of UPM, Sultan Sharafuddin Idris Shah, graciously officiated the opening of the Sultan Abdul Aziz Shah Hospital (HSAAS), Universiti Putra Malaysia (UPM) today.

His Royal Highness hopes that HSAAS, will become one of the world's best university hospitals and its expertise used as a point of reference for other medical practitioners, both locally and internationally.

In his address, His Royal Highness expressed his desire that the Ministry of Higher Education (MoHE) or the Ministry of Health Malaysia (MOH) would seek a formula of balance and collaboration as a strong team to reduce the burden of problems faced by the people.

"The active involvement of the private sector, non-governmental organisations or individuals will also help ensure the health services of HSAAS, UPM can be enjoyed by all segments of

the society," he said.

Sultan Sharafuddin also noted that the high cost of health treatment is currently a major challenge faced by health institutions, especially in providing the best services with the use of high-tech medical equipment and the best medicines.

At the event, Sultan Sharafuddin Idris Shah was pleased to hand over the Ambulance Waqf Fund contribution of RM 100,000.00 by the Centre for Management of Waqf, Zakat and Endowment (WAZAN), UPM to the management of HSAAS, UPM.

"Establishing the Waqf Fund and the Patient Welfare Fund at HSAAS, is an effort to help those in need receive and bear the cost of treatment.

"I believe that Malaysians are caring citizens who have a high sense of compassion and a willingness to help," said Sultan Sharafuddin.

At the same event, the



Chancellor visited the Regional Emergency Stroke Quick Response (RESQ) Unit, the Department of Radiology, and the HPUPM Exhibition Site, which showcased four areas of expertise, namely Regional RESQ (Stroke Treatment), Zoonosis, Geriatrics, and Prostate care. Meanwhile, the UPM Vice-Chancellor, Prof. Dato' Dr.

Mohd Roslan Sulaiman, in his speech, said the establishment of HSAAS, is a very significant achievement in the development of UPM.

"This is an expansion to the function of the Faculty of Medicine and Health Sciences (FPSK), UPM, as well as creating various opportunities related to clinical

training for undergraduate, postgraduate, and clinical services students," he said. Formerly HSAAS, UPM, known as UPM Teaching Hospital (HPUPM), has started providing medical and healthcare services to the public since 2020 and is a teaching university hospital.

Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin visits UPM

By: Noor Eszereen Juferi

Photo By: Mohammad Izrul Abdul Jabar

SERDANG, January 27 – The Minister of Higher Education, Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin held a working visit to Universiti Putra Malaysia (UPM) to discuss the university's direction and niche in teaching and research, as well as the university's role in aiding the country to deal with the national food crisis.

The visit was attended by Ministry of Higher Education (MOHE) top management along with UPM management and representatives of UPM leaders.

Dato' Seri Mohamed Khaled said that he hopes to see UPM continue excelling in studies and research in line with the wishes of the (MOHE) for quality higher education that instills confidence in international students to continue their studies in Malaysia.

"This will directly help MOHE in making the national education

sector a success, and every higher education institution has the role and strength to contribute their knowledge and research in the country and abroad," he said.

UPM Vice Chancellor, Dato' Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman said the visit was very meaningful because it proved that UPM has always had the support of the

government, especially in the agriculture sector in line with the UPM 2021-2025 Strategic Plan.

"UPM is committed to addressing the agriculture and food security agenda as well as the collaboration and interchange of research knowledge for the sustainability of agriculture that benefits the community," he said.



UPM donates 40 forest trees in conjunction with National Landscape Day 2023

By: Noor Eszereen Juferi

Photo By: Mohammad Izrul Abdul Jabar



IPOH, March 11 – Universiti Putra Malaysia (UPM) donated 40 forest trees in conjunction with the celebration of the National Landscape Day 2023 (HLN 2023), which was officiated by the Prime Minister, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim.

UPM Vice Chancellor, YBhg. Dato' Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman said the contribution of the forest trees resulted from funding negotiations by the Centre of Industry Relations and Networks (CiRNeT), UPM, and the CIMB Foundation.

NOTA KETUA EDITOR

Tahun 2023 menemui kita dengan penuh harapan baharu. Tribun Putra mengucapkan syabas dan tahniah atas pelantikan YB. Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin sebagai Menteri Pendidikan Tinggi yang baharu.

UPM yakin dengan pengalaman, ketokohan dan kewibawaan beliau dalam memacu sektor pendidikan tinggi Malaysia dengan lebih berkesan.

Tribun Putra juga mengalu-alukan pelantikan Profesor Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Komoo sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah (LPU) bagi menggantikan Tengku Syarif Laksamana Perlis Datuk Seri DiRaja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail.

Tribun Putra kali ini memaparkan beberapa cerita kejayaan. Antaranya

pemasyhuran Hospital Sultan Abdul Aziz Shah (HSAS). Hospital ini yang dahulunya dikenali sebagai Hospital Pengajar UPM telah mula menawarkan perkhidmatan perubatan dan penjagaan kesihatan kepada orang ramai sejak dibuka pada 2020, dengan empat bidang tujahan kepakaran iaitu geriatrik, rawatan strok, zoonotik dan prostat. Semoga HSAAS menjadi mercu tanda baharu UPM yang terus merencanakan lagi sumbangan menara ilmu ini kepada masyarakat.

Ini adalah catatan terakhir saya untuk Tribun Putra buat masa ini. Pada kesempatan berharga ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YB. Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Mohamed

Khaled Nordin atas kepercayaan melantik saya sebagai Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) mulai 19 Februari yang lalu. Insya Allah, mandat yang diberikan akan digalas dengan penuh insaf, amanah dan tanggungjawab. Sesungguhnya, mandat ini adalah suatu taklif atau tanggungjawab, bukan tasrif atau suatu kemegahan.

Akhir kata, saya mengucapkan terima kasih kepada Sidang Redaksi Tribun Putra atas kerjasama dan dedikasi yang diberikan. Semoga penerbitan Tribun Putra terus gah berkongsi kisah kejayaan buat warga UPM yang tercinta.


**Kalau ada sumur di ladang
Boleh kami menumpang mandi
Kalau ada umur yang panjang
Boleh kita berjumpa lagi...**

Prof. Madya Dr. Mohd Izani Mohd Zain,
Ketua Editor Tribun Putra

Kerjasama Industri dalam kampus bantu tingkat minat mahasiswa dalam industri tenusu

Oleh: Nurul Ezzaty Mohd Azhari

Foto Oleh: Mohammad Izrul Abdul Jabar



SERDANG, 20 Mac – Universiti Putra Malaysia (UPM) bersama Farm Fresh Bhd (FFB) menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) bagi membangunkan Pusat Agro-Tourism dalam meningkatkan minat mahasiswa untuk menceburi industri tenusu serta menggalakkan generasi muda meminati bidang pertanian.

MoA ini turut disaksikan oleh Menteri Pendidikan

Tinggi, Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin di Pusat Kecemerlangan Industri (ICoE) Tenusu UPM-Farm Fresh, di sini.

Kerjasama strategik ini memperkukuhkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran melibatkan bidang penternakan tenusu dan proses berkaitan serta menyemarakkan aktiviti penyelidikan dan inovasi dalam bidang tumpuan universiti dan industri. Naib Canselor UPM, Dato' Prof. Dr.

Mohd Roslan Sulaiman berkata perjanjian ini meliputi bidang pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan inovasi, aktiviti keusahawanan pelajar serta latihan kemahiran berkaitan untuk kakitangan UPM.

Sementara itu, Ketua Pegawai Operasi Kumpulan Farm Fresh Berhad, Azmi Zainal berkata kerjasama industri dalam kampus membolehkan pelajar

mengikuti latihan industri dan menimba pengalamandi FFB serta mempersiapkan diri untuk bersaing dalam dunia pekerjaan.

Inisiatif ini juga secara tidak langsung mendukung Matlamat ke-3 Pelan Strategik UPM 2021-2025 iaitu Melestarikan Ekosistem Jaringan Industri dan Masyarakat.

UPM terima Anugerah Rakan Strategik MCMC

Oleh: Noor Eszereen Juferi

Foto Oleh: Mohammad Izrul Abdul Jabar



CYBERJAYA, 17 Januari – Universiti Putra Malaysia (UPM) menerima Anugerah Rakan Strategik Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) daripada Menteri Komunikasi dan Digital, YB Fahmi Fadzil pada Majlis Sambutan Ulang Tahun Klik Dengan Bijak (KDB) ke-10 di sini, hari ini.

Ketua Pustakawan UPM, Mahbob Yusof hadir menerima penganugerahan tersebut mewakili Naib Canselor UPM, YBhg. Dato' Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman.

Menteri dalam ucapannya berkata, keberkesanan pelaksanaan KDB dapat dilihat melalui kajian 'Impak Keberkesanan KDB Kepada

Peserta' yang telah dilaksanakan oleh penyelidik dari UPM pada tahun 2022. "Hasil kajian menunjukkan program KDB secara dasarnya berjaya memberi kesedaran mengenai keselamatan siber di kalangan responden kajian dan menunjukkan perubahan positif terhadap pengetahuan pengguna internet tentang pengurusan risiko dalam talian," katanya.

Sebelum ini, Pensyarah Kanan, Jabatan Komunikasi, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK), UPM, Prof. Madya Dr. Moniza Waheed telah melakukan penyelidikan 'KDB: Safeguarding Youth in the Digital' bagi menilai keberkesanan video KDB yang dihasilkan oleh MCMC.

UPM rangkul Anugerah Majikan Pilihan Graduan (GCA) 2023

Oleh: Nurul Ezzaty Mohd Azhari



SUBANG JAYA, 5 Jan – Universiti Putra Malaysia (UPM) menerima Anugerah Majikan Pilihan Graduan (GCA) 2023 dalam kategori sektor Universiti Awam (UA) oleh Talentbank sebagai majikan pilihan dalam kalangan mahasiswa.

Penganugerahan ini selari dengan usaha UPM dalam mencapai Matlamat 1 Pelan Strategik 2021-2025 UPM Melahirkan Watak Graduan Berdaya Tahan Mendepani Cabaran Mendatang.

Timbalan Pengarah, Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan (CEM) UPM, Ludineta Misnun berkata pilihan graduan ini dibuat melalui kaji selidik yang dijalankan oleh Talentbank dalam kalangan 200,000 pelajar di seluruh Malaysia selama setahun bermula 31 Julai 2021 hingga 31 Julai 2022.

"Penerimaan penganugerahan ini membuktikan jenama UPM merupakan antara majikan yang menjadi pilihan graduan untuk bekerja. UPM dan CEM melaksanakan pelbagai inisiatif khususnya dalam mempersiapkan graduan memasuki dunia pekerjaan," katanya.

Selain itu, majlis ini meraikan serta mengiktiraf kecemerlangan organisasi yang berusaha merapatkan jurang antara industri dengan akademik daripada 46 sektor pekerjaan seperti perbankan, hiburan, fesyen, pendidikan dan lain-lain lagi.

Dalam pada itu, GCA 2023 dalam sektor UA ini juga diberikan kepada Universiti Malaya, Universiti Teknologi MARA, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Ketua Editor Tribun Putra dilantik TNC (HEPA) UMT



Sidang Editorial Tribun Putra merakamkan ucapan tahniah kepada Prof. Madya Dr. Mohd Izani Mohd Zain atas pelantikannya sebagai Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) yang berkuatkuasa pada 19 Februari lalu. Terdahulu, beliau merupakan Timbalan Pengarah, Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat (PSPK), UPM.

UPM tuan rumah Asia Pasifik (IIOE) National Centre 2023 UNESCO-ICHEI

Oleh: Nurul Ezzaty Mohd Azhari

SERDANG, 5 Januari – Universiti Putra Malaysia (UPM) dipilih sebagai tuan rumah oleh UNESCO-ICHEI pada tahun ini untuk menjadi pusat International Institute of Online Education (IIOE) dalam inisiatif transformasi digital pendidikan tinggi di rantau Asia Pasifik.

Naib Canselor UPM, Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman berkata UPM beriltizam untuk terus menyokong agenda pendigitalan para pendidik bukan sahaja di Malaysia, tetapi di seluruh dunia.

"Pada tahun-tahun sebelumnya, UPM telah terlibat secara aktif dalam pembangunan kompetensi digital pendidik melalui pelbagai aktiviti seperti program pembangunan profesional berterusan digital dan inisiatif kampus pintar.

"UPM telah meletakkan usaha untuk mempromosi dan mempertingkatkan penggunaan ICT dalam inisiatif kampus pintarnya melalui menggalakkan



ekosistem yang kondusif dan inklusif," katanya dalam mesyuarat UNESCO-ICHEI secara dalam talian hari ini.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), UPM, Prof. Dr. Ismi Arif Ismail berkata UPM bersedia untuk membantu pensyarah IPT khususnya di negara yang sedang membangun.

"UPM akan dibarisi oleh pendidik digital yang akan berkongsi pengetahuan mereka bersama negara-negara yang kurang mahir penggunaan digital dalam pendidikan dan mengambil bahagian dalam inisiatif transformasi digital pendidikan tinggi di rantau Asia Pasifik seterusnya meningkatkan kualiti pendidikan bersama," katanya.

UPM cipta rekod MBOR, 3000 peserta sertai kejohanan Ragbi

Oleh: Nur Syamila Kamarul Arefin

SERDANG, 19 Februari – Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya menerima sijil daripada pihak Malaysia Book of Records (MBOR) bagi peserta paling ramai untuk Kejohanan Ragbi Serdang Sevens 2023.

UPM mencipta sejarah menjadi Intitusi Pengajian Tinggi (IPT) pertama yang diiktiraf oleh MBOR bagi penyertaan terbesar untuk Sukan Ragbi (Largest Participation in a Rugby Tournament) dan secara tidak langsung UPM merupakan Universiti Awam (UA) yang terbaik dalam sukan ragbi.

UPM telah menerima penyertaan peserta paling ramai di Malaysia iaitu 200 kumpulan dan 3,000 peserta menyertai Kejohanan Ragbi Serdang Sevens 2023.



IASS kali ke-7: Belia bincang inovasi dalam keselamatan makanan

Oleh: Nurul Ezzaty Mohd Azhari

SERDANG, 21 Feb – Fakulti Pertanian Universiti Putra Malaysia (UPM) menganjurkan The 7th International Agriculture Students Symposium (IASS) yang memberi fokus penglibatan belia membincangkan inovasi serta penyelidikan terkini dalam isu keselamatan makanan.

Seramai 19 orang pelajar daripada Filipina, Hong Kong dan India yang menyertai program ini dan perkongsian ilmu serta pengalaman mereka dapat memperlihatkan penglibatan golongan belia dan remaja dalam bidang pertanian serta penggunaan teknologi terkini seperti IoT dan dron dalam bidang ini yang akan memberi kesan kepada isu keselamatan makanan sesebuah negara.



UPM terima kunjungan delegasi Coca-Cola ASEAN

Oleh: Noor Eszereen Juferi



SERDANG, 16 Mac – Fakulti Sains, Universiti Putra Malaysia (UPM) menerima kunjungan dari Public Affairs, Communications & Sustainability Leadership Group from Coca-Cola Bottling Investments bersempena menyambut delegasi Coca-Cola dari negara Singapura, Brunei, Filipina, India, Sri Lanka dan Bangladesh serta pengenalan pusat kitar semula baharu Recycling Centre di Kolej Sultan Alaeddin Suleiman Shah (KOSASS), UPM.

Pengarah program Recycling@U, Dr. Nurul Izza Ab Ghani berkata lawatan itu bertujuan untuk menunjukkan hasil usaha sama UPM dengan Coca-Cola kepada delegasi Coca-Cola ASEAN tentang bagaimana sektor swasta bekerjasama dengan universiti tempatan dalam usaha untuk memelihara alam sekitar.

"Program itu adalah untuk memberikan penghayatan tentang kepentingan pemuliharaan alam sekitar dari pencemaran sampah yang boleh dikitar semula di kalangan warga UPM dan komuniti setempat," katanya.

Sebelum ini, Fakulti Sains, UPM telah menjalankan projek kolaborasi bersama Coca-Cola Malaysia sejak tahun 2012 dan peneraju program "Recycling at Universities in Malaysia" (Recycling@U) yang telah dimulakan sejak 2017.

Kemudiannya, program "Managing Plastic" telah dimulakan sejak 2019. Kedua-dua program itu merupakan kesinambungan usaha sama antara UPM dan Coca-Cola Malaysia melalui program "Recycle to Cycle" (R2C).

TRANSFORMASI PENYELIDIKAN PERLU BERI IMPAK KEPADA MASYARAKAT DAN ANTARABANGSA

Penyelidikan di universiti bukan sahaja sekadar untuk tujuan akademik malah ianya boleh diperkembangkan untuk manfaat masyarakat amnya. Namun penyelidikan universiti perlu sokongan bagi dioptimumkan ke peringkat antarabangsa.

Ikuti wawancara bersama Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UPM, Prof. Dr. Nazamid Saari berkenaan transformasi penyelidikan ini bersama wartawan Tribun Putra, Nurul Ezzaty Mohd Azhari dan jurufoto Noor Azreen Awang.

1. Apakah misi dan visi Prof sepanjang memegang jawatan sebagai TNCPi (Penyelidikan dan Inovasi)?

Visi saya ialah ingin memastikan UPM menjadi sebuah universiti bereputasi antarabangsa dan universiti penyelidikan terunggul di Malaysia.

Misi yang dipegang pula ialah memberi sumbangan bermakna kepada pembentukan kemakmuran dan pembangunan negara serta kesejahteraan manusia sejagat menerusi penerokaan dan penyebaran ilmu. Ilmu baharu yang digarap melalui penyelidikan dan inovasi yang terhasil daripada penerokaan ilmu berterusan.

Penyelidikan dan inovasi adalah pemacu bagi mencapai kedua visi dan misi ini. Maka, saya ingin memastikan semua staf akademik menjalankan amanah ini secara bersungguh-sungguh dan akhirnya dapat menyumbang secara signifikan kepada misi ini.

2. Apakah Transformasi Penyelidikan yang di tekan oleh Prof kepada para penyelidik di UPM agar memberi impak kepada masyarakat dan antarabangsa?

Pertama, transformasi penyelidikan yang bersifat inovatif, relevan dan berimpak tinggi adalah kriteria yang saya tekankan kepada penyelidik menggunakan sumber yang terdapat di negara ini.

Penyelidikan sama ada bersifat fundamental research mahupun applied research akhirnya haruslah membawa nilai tambah seperti ilmu baharu dan 'novelty' yang dapat diterjemahkan untuk memberi impak kepada negara amnya, masyarakat dan industri khususnya. Saya menekankan konsep pemberian dana bersifat 'seed money' supaya

“ Konsep pemberian dana bersifat 'seed money' supaya membuka peluang dan ruang yang lebih besar untuk pembiayaan daripada pelbagai pihak berkepentingan. Sebagai contoh, satu projek sekurang-kurangnya satu impak, satu projek sekurang-kurangnya satu industri, satu projek sekurang-kurangnya satu dasar atau polisi.”

membuka peluang dan ruang yang lebih besar untuk pembiayaan daripada pelbagai pihak berkepentingan.

Sebagai contoh, satu projek sekurang-kurangnya satu impak, satu projek sekurang-kurangnya satu industri, satu projek sekurang-kurangnya satu dasar atau polisi.

Bayangkan kalau kita ada 500 projek kita akan mendapat berganda-ganda impak yang boleh diterjemahkan memberi manfaat berganda kepada masyarakat, industri bahkan kepada pelaksanaan polisi atau dasar.

3. Sebagai seorang ketua pengurusan yang memegang empat portfolio iaitu Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC), Putra Science Park (PSP), Penerbit UPM dan Pentadbiran Pejabat TNCPi, apakah cabaran yang dihadapi oleh Prof?

Sebagai pentadbir, saya mempunyai pengalaman yang lama bermula dengan mengetuai Unit Perundingan Fakulti, sebagai Ketua Jabatan, sebagai Timbalan Dekan Akademik dan Hal Ehwal Pelajar selama tujuh tahun, Timbalan Pengarah CADE selama tiga tahun, Pemangku Pengarah CADE serta beberapa jawatan penting yang lain.

Namun begitu, sejak saya mengambil alih TNCPi pada 25 Oktober 2021, saya ingin melihat perubahan besar dan lonjakan berganda UPM khususnya dalam penyelidikan dan inovasi. Saya bersama pasukan saya juga sentiasa berusaha

menguatkan kedudukan UPM dalam MyRA. Selain itu, ada banyak lagi inisiatif luar biasa yang sedang dilaksanakan.

Tahun ini merupakan tahun kedua saya di pejabat TNCPi dan fokus saya adalah lonjakan berganda yang ingin saya capai dalam konteks UPM sebagai Universiti Penyelidikan. Jadi beberapa inisiatif yang sedang giat saya lakukan bagi mengatasi cabaran yang mendatang.

Antara inisiatif penting ialah menggerakkan strategi bagi melonjakan pensyarah UPM sebagai Principle

Dalam usaha ini, kita memerlukan sokongan, komitmen yang padu dan tidak berbelah bahagi daripada semua peringkat dan berani membuat keputusan bagi memastikan UPM dapat menempatkan diri menjadi Universiti Penyelidikan terunggul di Malaysia dan bereputasi tinggi diperingkat antarabangsa.

5. Pada Pandangan Prof. apakah perkara utama yang harus diberi perhatian agar warga UPM sentiasa kreatif menghasilkan inovasi yang berimpak kepada masyarakat?



Investigator (PI) sekurang-kurang mencapai 80% dan meningkatkan sekurang-kurangnya 60% pensyarah mencapai KPI penerbitan yang ditetapkan daripada 41.2% sahaja yang mencapai KPI pada tahun lalu.

Perkara ini sudah tentu memerlukan perubahan langkah drastik. Lonjakan besar ke arah pengkormesilan dan inovasi dikalangan pensyarah juga memerlukan sistem penilaian yang setimpal dengan usaha yang dilaksanakan.

Prosedur, garis panduan serta pengurusan harta intelek bagi mempercepatkan proses pemfailan paten, perlesenan dan pengkomersialan sedang diperkembangkan. Pusat Penerbit berperanan dalam membantu universiti dalam mencapai KPI MyRA malah berupaya menjana pendanaan dan pendapatan untuk universiti.

Mengambil kira unsur-unsur diluar kawalan yang berlaku pada masa ini termasuk peruntukan terhad daripada kerajaan, cabaran bagi memastikan kelestarian penyelidikan di UPM dan cabaran memaksimumkan produktiviti dengan bajet sedia ada memerlukan strategi lebih jelas, lebih objektif dan bersasar.

4. Adakah Prof. merasakan prestasi semasa penyelidikan dan inovasi di UPM sudah cukup baik?

Pandangan saya UPM mempunyai potensi yang cukup besar khususnya dalam konteks penyelidikan dan inovasi. Saya sangat percaya kita boleh melakukan lonjakan luar biasa ini kerana saya boleh katakan UPM telah berada pada landasan yang betul tetapi ada banyak perkara yang perlu ditingkatkan melalui strategi yang tepat dan diluar zon selesa.

Peranan peneraju atau dekan dan Pengarah setiap pusat tanggungjawab (PTJ) menyediakan arah tuju yang jelas dengan mengenal pasti bidang nic entiti masing-masing dan haruslah selari dengan keperluan masa kini. Pada masa yang sama bidang tujahan mestilah selari juga dengan keperluan negara dan sekaligus membawa PTJ tersebut terkehadapan dengan pencapaian dan fokus masa kini diperingkat antarabangsa. Jika ini berlaku, kita akan dapat melihat satu lonjakan luar biasa inovasi yang dapat memberikan impak yang besar kepada masyarakat khususnya dan negara amnya.

6. Akhir sekali, apakah harapan Prof. kepada penyelidik dan warga UPM?

Saya menyeru supaya kita sama-sama dapat menggembeleng tenaga dan beriltizam membantu UPM mencapai visi dan misi yang telah ditetapkan demi melonjakkan pencapaian UPM bagi menghasilkan impak yang sangat bermakna kepada negara dan seterusnya melonjakan keterlihatan UPM dipersada dunia sebaris dengan universiti terkemuka dunia.

“ Transformasi penyelidikan yang bersifat inovatif, relevan dan berimpak tinggi adalah kriteria yang saya tekankan kepada penyelidik menggunakan sumber yang terdapat di negara ini.”



Tujuh ikhtiar Naratif Naib Canselor UPM 2023 terus pacu kecemerlangan pertanian dan keterjaminan makanan

Oleh: Noor Eszereen Juferi
Foto oleh: Sabri Omar



SERDANG, 15 Feb – Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Dato' Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman memperkenalkan tujuh ikhtiar dalam Naratif Naib Canselor 2023 dalam memacu kecemerlangan UPM untuk bidang pertanian dan keterjaminan makanan negara.

Dato' Prof. Dr. Mohd. Roslan berkata, UPM akan terus memacu kecemerlangan bidang pertanian dan keterjaminan makanan untuk membantu kerajaan menangani krisis ketidakcukupan makanan negara. UPM akan memainkan peranan yang penting dengan menghasilkan produk pertanian yang boleh dikomersialkan serta membantu masyarakat.

"Naratif kali ini adalah senada dengan hasrat Kementerian Pendidikan Tinggi iaitu untuk mengembalikan kepercayaan dan keyakinan rakyat kepada sistem pendidikan tinggi negara melalui tujuh Ikhtiar yang telah digariskan.

"Adalah iltizam saya untuk membawa UPM lebih gemilang dan saya percaya masih ada ruang usaha pementapan strategi dan pelaksanaan yang boleh dilakukan untuk menjadikan UPM sebuah Menara Ilmu yang diyakini masyarakat," katanya.

1 Pertama, Memperteguh Sumbangan Dalam Pertanian Dan Keterjaminan Makanan melalui penawaran program akademik meliputi 31 program sarjana muda, 14 program master secara kerja kursus dan 194 bidang pengajian pasca siswazah berkaitan pertanian, pertanian pintar dan Internet benda (IoT) yang merentasi disiplin ilmu.

"Kita percaya bagi memperkukuh lagi keupayaan UPM dalam pertanian dan keterjaminan makanan, pendekatan merentas disiplin ilmu sangatlah penting. Sayugia diingatkan, pertanian bukan lagi hanya berkisar tentang penanaman, penternakan mahupun perikanan," katanya.

2 Kedua, Menjajarkan Penyelidikan Dan Jaringan Ke Arah Inovasi Sosial yang boleh menyumbang

kepada pembangunan dan kesejahteraan masyarakat serta memenuhi keperluan dan aspirasi nasional. Penghasilan penyelidikan mestilah memberi manfaat dan berupaya dikomersialkan demi kemandirian universiti di samping membumikan hasil penyelidikan untuk maslahat masyarakat.

"UPM mempunyai begitu banyak hasil penyelidikan dan ia tidak seharusnya terhenti dalam penerbitan jurnal dan laporan. Kita perlu berperanan mewujudkan program yang kuat dankukuh kepada masyarakat melalui program keusahawanan sosial dan inovasi sosial," katanya.

“Agenda penjaan pendapatan masih kekal relevan sebagai agenda utama universiti dalam usaha untuk mengurangkan kebergantungan kepada geran kerajaan,”

3 Ketiga, Menjulung Pemerkasaan Mahasiswa dengan memberikan mereka lebih banyak kepercayaan, tanggungjawab dan amanah, merancang dan mengikuti program mobiliti antarabangsa sekurang-kurangnya sekali sepanjang pengajian serta memperkemas perkhidmatan kebajikan mahasiswa kategori B40 dan asnaf. Selain itu, bagi melahirkan pelajar sosok warganegara baik, UPM akan memperkasakan pendidikan politik dan usaha ini akan digerakkan oleh Unit Literasi dan Advokasi Politik (ADVOKASI), Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS) bersama Fakulti Ekologi Manusia (FEM) dan HEPA.

"UPM mahukan graduan UPM mempunyai perspektif yang meluas dan berfikiran global. Saya percaya pengalaman pengantarabangsaaan ini akan memberi peluang untuk pelajar membuka persepsi dan sudut pandang serta meningkatkan kemahiran mereka berkomunikasi dan membentuk jaringan keserakanan," ujar beliau.

4 Keempat, Memperkemas Strategi Hijau Dan Tadbir Urus Yang Baik melalui pengurusan data universiti bagi proses membuat keputusan berasaskan bukti yang mampu mengekalkan status UPM sebagai universiti paling lestari dalam negara. Selain itu, inisiatif pengurusan bakat profesional dan kepimpinan pegawai akademik terus diperluas melalui usaha sama Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) dan penjenamaan Pusat Pembangunan Akademik dan Kecemerlangan Kepemimpinan (CADE-Lead).

5 Kelima, Memperhebat Pendigitalan Kampus untuk memastikan UPM bingkak mengurus pelbagai perubahan dan teknologi dengan menilai kesan dan strategi menggunakan teknologi dalam pengajaran, pembelajaran dan tatakelola akademik dan pengantarabangsaaan dengan menyediakan perkhidmatan capaian Internet yang mencukupi, stabil dan

Perhubungan Alumni akan terus dipelihara melalui usaha untuk berganding bahu dan mendukung citra universiti ke mercu kejayaan melalui program-program yang dianjurkan.

Dato' Prof. Dr. Mohd Roslan berkata, bagi tahun 2023, UPM akan mengangkat slogan 'Eratkan Kerjasama Sesama Alumni' sebagai katalis dalam usaha meningkatkan impak hubungan antara alumni, pelajar dan alma mater," ujar beliau. "Adalah iltizam saya untuk membawa UPM lebih gemilang dan saya percaya masih ada ruang usaha pementapan strategi dan pelaksanaan yang boleh dilakukan untuk menjadikan UPM sebuah Menara Ilmu yang diyakini masyarakat," katanya.

Majlis Naratif Naib Canselor ini adalah acara tahunan UPM dan pada tahun ini merupakan tahun ketiga pelaksanaan dalam tempoh pentadbiran Dato' Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman sebagai Naib Canselor UPM.



selamat. UPM turut membuka perkhidmatan perpustakaan kepada orang awam melalui kolaborasi strategik dengan pihak sekolah sebagai tanggungjawab sosial universiti.

6 Keenam, Mengupaya Penjaan Pendapatan untuk mengurangkan kebergantungan kewangan UPM kepada geran kerajaan, UPM menyokong segala usaha penjaan untuk menampung keperluan operasi melalui inisiatif modal awalan serta menggerakkan entiti di bawah UPM seperti Pusat Penerbit, Putra Business School (PBS), Hospital Veterinar (UVH), dan Hospital Pengajar UPM (HPUPM) menjana pendapatan.

"Agenda penjaan pendapatan masih kekal relevan sebagai agenda utama universiti dalam usaha untuk mengurangkan kebergantungan kepada geran kerajaan," katanya.

7 Ketujuh, Menyatu Kekuatan Alumni yang dapat membantu kepada kelangsungan universiti melalui sumbangan mereka dalam pelbagai bentuk. 'Jambatan' kukuh bersama alumni yang diterajui Pusat

Majlis ini turut menjadi platform komunikasi utama antara Naib Canselor dan seluruh warga UPM bagi menyampaikan pencapaian semasa dan juga perancangan serta hasrat dalam memacu universiti ke arah kecemerlangan bagi tahun ini.

“UPM mahukan graduan UPM mempunyai perspektif yang meluas dan berfikiran global. Saya percaya pengalaman pengantarabangsaaan ini akan memberi peluang untuk pelajar membuka persepsi dan sudut pandang serta meningkatkan kemahiran mereka berkomunikasi dan membentuk jaringan keserakanan,”

UPM Menerajui Usaha Kelestarian Kampus Hijau



Oleh: Prof. Madya Dr. Zulhamri Abdullah & Dr. Syafila Kamarudin
Pensyarah Jabatan
Komunikasi, Fakulti Bahasa
Moden dan Komunikasi,
Universiti Putra Malaysia

Saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim terhadap penelitian semula Bajet 2023 dianggap wajar kerana perlunya pandangan daripada Kementerian Kewangan (MOF) serta Kabinet kerajaan perpaduan yang baharu. Perdana Menteri menegaskan bahawa sebahagian besar daripada belajawan itu boleh diterima.

Bajet 2023 yang diumumkan pada 7 Oktober 2022 telah memperuntukkan RM10 juta untuk mendorong universiti awam di Malaysia mempromosikan inisiatif kampus hijau. Inisiatif ini dilihat sebagai satu langkah positif untuk mewujudkan Agenda Pembangunan Mampan 2030 yang diperkenalkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pada tahun 2015.

Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals) mencakupi 17 matlamat yang meliputi kemajuan sosial, ekonomi, dan alam sekitar. Matlamat ini bertujuan untuk memperjuangkan kemajuan masyarakat, pemeliharaan bumi, kemakmuran, keamanan, dan kerjasama. Dalam konteks pembangunan mampan ini, ianya harus bergerak seiring dengan penjagaan kualiti alam sekitar supaya proses tersebut tidak

meninggalkan kesan negatif kepada manusia dan alam sekitar khususnya.


Aspek kemampanan atau kelestarian ini melibatkan kelestarian sosial, kelestarian ekonomi dan kelestarian persekitaran yang mana ianya bersifat universal dan menyeluruh.

Oleh itu, universiti awam dilihat sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang menjalankan aktiviti penyelidikan dan pendidikan serta berperanan penting dalam mendidik bakal pemimpin masa hadapan perlu memberikan penekanan terhadap isu kelestarian bagi menjamin kelestarian komuniti di masa hadapan.

Namun, penekanan terhadap kepentingan amalan lestari ini akan berhasil sekiranya kakitangan dan pelajar di kampus

Amalan penjagaan kualiti alam sekitar amat penting dipraktikkan di seluruh tempat dan kawasan dan ia termasuklah universiti awam. Kelestarian kampus hijau kini semakin mendapat perhatian dan rancak dilaksanakan oleh universiti awam di Malaysia termasuklah Universiti Putra Malaysia (UPM).

Pada masa kini, isu pembekalan tenaga bersih di seluruh universiti awam amatlah dititikberatkan kerana ianya sangat penting kepada kehidupan masyarakat di kampus. Teknologi fotovoltaiik misalnya, adalah contoh terbaik bagi melestarikan kehidupan semua orang. Dengan pemasangan teknologi fotovoltaiik, ia mempunyai potensi jangka panjang yang penting untuk membekalkan tenaga mampan untuk keperluan di dunia.



memainkan peranan masing-masing bagi menjayakannya. Kelestarian universiti memerlukan perubahan sikap dan perilaku daripada setiap individu dalam institusi seperti ahli akademik, kakitangan, dan pelajar.

Pembekalan tenaga bersih di kampus amat penting supaya pelajar dan kakitangan berada dalam keadaan selamat. Buat masa ini, pemasangan sistem solar fotovoltaiik masih belum menyeluruh di pasang di universiti awam. Hal ini

“Amalan penjagaan kualiti alam sekitar amat penting dipraktikkan di seluruh tempat dan kawasan dan ia termasuklah universiti awam. Kelestarian kampus hijau kini semakin mendapat perhatian dan rancak dilaksanakan oleh universiti awam di Malaysia termasuklah Universiti Putra Malaysia (UPM). Menyedari akan kepentingan kampus hijau ini, banyak perkara perlu diambil perhatian dan tindakan segera untuk memastikan kesejahteraan sejagat dapat dipelihara.”

disebabkan oleh kos yang tinggi diperlukan sebelum pemasangan dijalankan. Walau bagaimanapun, menyedari akan kepentingan sistem ini, kerajaan telah mengambil langkah terbaik dengan memperuntukkan sejumlah dana yang sangat besar semasa pembentangan Bajet 2023 baru-baru ini dengan mengambil contoh pemasangan sistem solar fotovoltaiik di Universiti Sains Malaysia (USM).

Begitu juga dengan masalah bekalan air bersih di dalam kampus turut menjadi isu serius yang terdapat di kampus. Usaha menjalankan proses penapisan air bersih adalah amat diperlukan di semua kampus termasuklah universiti di Sabah dan Sarawak. Hal ini adalah sangat penting kerana penjagaan air bersih ini bukan sahaja memberi impak kepada pelajar-pelajar yang tinggal di kolej-kolej kediaman, malahan juga kepada kakitangan yang berada di premis pejabat di kampus.

Oleh yang demikian, UPM telah menunjukkan komitmen dan kesetiapsiagaannya dalam mencapai agenda kelestarian alam di peringkat universiti melalui berbagai inisiatif seperti menjayakan projek mega

pertanian melalui penanaman sebanyak 10,000 pelbagai jenis pokok di beberapa lokasi strategik di sekitar kampus universiti.

Di samping itu, kerjasama dengan industri dalam program pemasangan sistem solar fotovoltaiik (PV) bersama Tenaga Nasional

Berhad melalui anak syarikat milik penuhnya, GSPARX Sdn Bhd telah dilancarkan baru-baru ini. Dalam usaha mencapai karbon sifar UPM telah menjalankan program kelestarian landskap UPM bersama Toyota.

Usaha kelestarian hijau yang juga dikenalpasti adalah aktiviti pemindahan ilmu berkaitan dengan penjagaan dan demonstrasi teknik penanaman demonstrasi teknik penanaman pokok hortikultur bersama warga universiti.

Semua inisiatif kelestarian hijau ini sangat bersesuaian dengan matlamat ke-5 dalam pelan strategik UPM 2021 – 2025 iaitu menekankan amalan kelestarian hijau dan juga agenda utama dalam SDG 2030.

Eid Food Waste for Compost



By: Dr. Ahmad Muhaimin Roslan
Senior Lecturer, Department of
Bioprocess Technology
Faculty of Biotechnology and
Biomolecular Sciences, UPM

The festive season is often associated with revelry with the whole family, relatives, and friends. With the gatherings during Eid, special dishes will certainly complement the atmosphere.

However, it does not matter if the holiday food is served in small amounts or the size of an open house; there will be leftovers in the end.

Usually, among the causes of such food waste are food that is served is more than what is needed, food taken but not consumed, food spoiled due to improper storage, or food leftovers that cannot be eaten

such as fruit skins, bones, and the like. Unfortunately, all this waste often ends up in the trash bin. Food waste can still be used instead of just being thrown away. A delayed collection of food leftovers by the garbage truck would invite flies, rats, and other pests.

Therefore, to overcome this problem, you can adapt the composting process, which turns food waste into compost. This process works by breaking down the original materials into basic components. Usually, this decomposition process is done by microorganisms that are usually found in food waste.

For example, the decomposition of proteins in the composting process will produce amino acids, which in turn produce nitrogen (N), which is one of the nutrients for plants. Together with other food waste, nutrients such as phosphorus (P) and potassium (K) can also be produced, forming a balanced mix of nutrients for plants. Other organic matters in the compost could help fertilise and improve the soil, such as humic acid and carbon.

Thus, how do you make compost fertiliser at home? You can start the composting process with 3 simple steps:

First, you need a covered container (for example, a trash bin), punched with small holes around the body and at the bottom. These holes provide ventilation so that microorganisms can perform the decomposition process well.

Second, alternate your food scraps with landscape scraps such as leaves, or twigs/small sticks. This landscape waste will provide carbon to support the decomposition process while also acting as a bulking agent in the compost.



Third, mix the compost once every 3-4 weeks. The mixing process will increase the aeration in the compost and even out the distribution of materials in the compost. This would allow the decomposition process to be thorough and fast. If all goes well, you will have mature compost in about 3 months.

To facilitate the process of composting food waste on Eid, you need to plan from now. Separation of food waste from other inorganic materials is important. Avoid using disposable plates or cups that can make the separation process difficult. Most importantly, plan the amount of food and the necessary storage process so that there is no waste.

“Separation of food waste from other inorganic materials is important. Avoid using disposable plates or cups that can make the separation process difficult. Most importantly, plan the amount of food and the necessary storage process so that there is no waste.”

UPM ASPER students win PIITRAM award

By: Nur Syamila Kamarul Arefin
Photo By: Saleha Haron



SERDANG, February 18 – Students from the Foundation in Agricultural Science, Universiti Putra Malaysia (ASPER UPM) won the Category A Award for the most creative project at the Pre-University Matriculation Innovation Competition (PIITRAM) 2023.

ASPER student, Puteri Nur Arissa Yasmin Yusri, said she and her fellow teammates were in disbelief when they were crowned as winners of the Category A award, which was the Most Creative Project.

"Our efforts finally paid off. We spent over a month developing this innovation together, to produce a

toothbrush and toothpaste in one device to ease the lives of travellers.

"The project was specially designed for travellers, to make it easier for them to carry a toothbrush and toothpaste together. This helps to save space in their luggage and reduce the number of items they need to carry," she said during an interview at the closing ceremony of PIITRAM 2023.

A total of 354 groups (200 physical groups and 154 online groups) from public universities and matriculation colleges across Malaysia participated in PIITRAM 2023 for two days, from February 17



to 18, at the Centre of Foundation Studies for Agricultural Science, Great Hall and Experimental Theatre of Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Arts and Cultural Centre (PKSSAAS), UPM.

Meanwhile, ASPER student, Nafha Nabihah Azwan Azrin hopes that this innovative project can be sold in the market to help people out there.

"We all plan to market this product because this toothbrush and toothpaste combination is very convenient for everyone, regardless of whether it is for travellers or for daily use," she said.

UPM discusses development of the Ketum and Cannabis research project

By: Nur Syamila Kamarul Arefin

ALOR SETAR, February 20 – Universiti Putra Malaysia (UPM) conducted a courtesy visit to discuss the development of the Ketum and Cannabis research project ecosystem at the Kedah State Exco Office of Dato' Azman Nasruddin.

The main agenda of this visit was to discuss the direction and strategic planning related to the development model of Ketum and Cannabis research, which also includes infrastructure, as well as safety and sustainability issues involving various parties.

This collaboration is crucial in achieving Malaysia's vision as an innovative nation through research efforts to ensure the effectiveness of cannabis oil extract in the development of the nation's medical sector.

Also present at the visit were the Deputy Vice Chancellor (Research and Innovation), Prof. Dr. Nazamid Saari, the Deputy Vice Chancellor (Industry and Community Relations), Professor Ir. Dr. B.T. Hang Tuah Baharudin, the Dean of the Faculty of Agriculture, Prof. Dr. Loh Teck Chwen, the



Director of the Institute of Tropical Forestry and Forest Products, Prof. Ts. Dr. Khalina Abdan and the Director of the Institute of Tropical Agriculture and Food Security (ITAFoS), Prof. Dr. Mohd Rafii Yusop.



UPM produces Futuristic Probiotics innovations for human gut health

By: Nurul Ezzaty Mohd Azhari
Photo: Noor Azreen Awang



SERDANG, Feb 2 – Universiti Putra Malaysia (UPM) researchers have succeeded in producing Futuristic Probiotics, which are food innovations and health supplements for human gut health.

Principal researcher, Prof. Dr. Foo Hooi Ling, said Futuristic Probiotics are probiotic metabolites known as postbiotics which provide consistent health benefits compared to the health benefits of living probiotic cells, which are often unstable and inconsistent.

"Postbiotics is a futuristic probiotic that replaces live probiotic cells as a health supplement.

"Postbiotics also perform the function of restoring, improving and maintaining the balance of intestinal microbiota by supporting the growth of good probiotic bacteria already in the intestine as well as suppressing the growth of bad bacteria or pathogens in our intestines," she said.

Prof. Dr. Foo, a lecturer at the Department of Bioprocess Technology, Faculty of Biotechnology and Biomolecular Sciences (FBSB), UPM, said the balance of gut microbiota is crucial for a healthy gut condition for each individual as well as for improving overall body health.

She said this product would provide health effects consistently because it helps maintain a balanced intestinal microbiota for a long time.

"This product is a supplement safe for consumption, and even the shelf life of this postbiotic product is more stable, and the storage period is also longer at room temperature. "In addition, the advantage of this innovation is that it is low risk for patients with weakened immunity problems such as AIDS patients and patients under intensive medical care in the intensive care unit or critical care unit who need intensive medical care," she said.

She added that this research would increase the importance of the biotechnology industry and even demonstrate the need and function of research at FBSB.

This product has been marketed through collaboration with My Myracle Sdn. Bhd., and the collaboration with the UPM researchers have also helped the company build a complete facility to increase the production of these postbiotic products further.



UPM dan Kyutech sambut ulang tahun ke-10 penubuhan MSSC

Oleh: Nurul Ezzaty Mohd Azhari
Foto: Mohammad Izrul Abdul Jabar



SERDANG, 16 Mac – Universiti Putra Malaysia (UPM) menyambut ulang tahun ke-10 bersama Kyushu Institute of Technology (Kyutech) dalam penubuhan UPM-Kyutech Malaysian Super Satellite Campus Office (MSSC) di sini, hari ini.

Hubungan strategik antara UPM dan Kyutech telah terjalin sejak 30 tahun yang lepas lagi bermula dengan kolaborasi makmal antara ahli akademik UPM, Prof. Dato' Dr. Mohd Ali Hassan dan bekas Pengarah MSSC, Prof. Dr. Yoshihito Shirai.

Naib Canselor UPM, Dato' Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman berkata melalui hubungan kecil yang terjalin ini membuatkan kerjasama dua institusi ini

semakin berkembang sehingga kini.

"Secara amnya, Memorandum Persefahaman (MoU) yang dimeterai oleh UPM dan Kyutech pada tahun 2013 merupakan pemangkin kepada lebih banyak kerjasama dan kejayaan bersama hari ini.

"Banyak perkara yang kita jalankan bersama seperti mobiliti pelajar tidak kira prasiswazah mahupun pascasiswazah, aktiviti penyelidikan serta penerbitan bersama dan lain-lain lagi," katanya.

Dalam pada itu, majlis tandatangan MoU antara kedua pihak turut diadakan bagi melanjutkan perjanjian yang sudah dimeterai 10 tahun yang lalu.

Beliau berharap agar kerjasama antara UPM dan Kyutech akan terus berkembang dan Pejabat MSSC akan terus wujud di kampus UPM untuk penambahbaikan penyelarasan dalam kerjasama dan mencapai kejayaan bersama.

Turut hadir, Presiden Kyutech, Prof Dr Yasunori Mitani, Naib Presiden Hal Ehwal Antarabangsa Kyutech, Prof. Dr. Tohru Kamiya, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Ismi Arif Ismail, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Nazamid Saari dan Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) UPM, Prof. Dr. Arifin Abdu.

UPM lancar Skuad Rimba, siri animasi isu kelestarian hutan dan alam sekitar

Oleh: Noor Eszereen Juferi
Foto Oleh: Sabri Omar

BUKIT JALIL, 18 Feb – Institut Perhutanan Tropika dan Produk Hutan (INTROP), Universiti Putra Malaysia (UPM) telah melancarkan Skuad Rimba iaitu siri animasi 3D yang menegenahkan isu kelestarian hutan dan alam sekitar.

Pengasas Skuad Rimba, Dr. Norfaryanti Kamarudin berkata siri animasi Edutainment itu memaparkan kandungan yang berkenaan penjagaan serta mendidik kanak-kanak untuk lebih menjaga alam sekitar dan ekosistem untuk masa depan.

"Skuad Rimba menonjolkan lima kanak-kanak yang mempunyai kuasa luar biasa berunsurkan alam antaranya tumbuhan, haiwan, tanah, api, air dan angin bersama watak adiwira baharu iaitu PUTRA Rimba," katanya.

Tambah beliau, produk animasi ini kini sedang mencari pelabur untuk dapat

menembusi pasaran media arus perdana seperti di stesen penyiaran, platform media sosial dan sebagainya.

Selain itu, antara yang terlibat dalam penghasilan Skuad Rimba iaitu Pengasas bersama, Dr. Syeed Saifulazry Osman Al-Edrus, dan Dr. Lee Seng Hua, Riana Liau Kang Ya serta dibantu oleh pelajar dari Kolej Komuniti Besut, Terengganu.

Skuad Rimba yang diterbitkan oleh MyRimba Sdn. Bhd. iaitu syarikat pemula bawah program Innohub UPM yang telah ditubuhkan pada Mei 2021 bertujuan menghasilkan animasi dan menyediakan kursus latihan untuk kesedaran dan mendidik masyarakat berkenaan kelestarian hutan dan alam sekitar.

Animasi Skuad Rimba boleh ditonton di platform YouTube Channel MyRimba dan untuk maklumat lanjut boleh layari laman web www.myrimba.com



Ainaa muncul juara Hong Kong Squash PSA Challenge Cup 2023



SERDANG, 23 Mac – Atlet Skuasy, Universiti Putra Malaysia (UPM), Ainaa Amani berjaya merangkul juara di Hong Kong Squash PSA Challenge Cup 2023 bagi kategori wanita yang berlangsung pada 15 Mac hingga 18 Mac 2023 di Hong Kong Cricket Club.

Dalam perlawanan akhir, beliau berjaya menumpaskan pasukan lawan bagi kategori wanita iaitu Cheng Nga Ching dari Hong Kong dengan keputusan 11-3, 11-5, 11-2.

Ainaa memulakan langkah positif dalam kejohanan itu dengan memperolehi kemenangan

berturut-turut ke atas pemain utama Korea iaitu Yura Choe dan Kwong Ena dari Hong Kong.

Beliau kemudiannya meneruskan perlawanan dengan menundukkan pilihan ketiga kejohanan iaitu Ching Hei Fung juga dari Hong Kong, keputusan 3-1 pada perlawanan separuh akhir.

Menurut Ainaa, kejuaraan yang dirangkul olehnya sangat bermakna kerana perlawanan itu berlangsung pada hari kelahirannya dan merupakan kemenangan pertama beliau dalam siri jelajah pada tahun 2023.

Tribun PUTRA
Pertanian • Inovasi • Kehidupan

Tribun Putra

Tribun Putra diterbitkan oleh Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat (PSPK), Universiti Putra Malaysia. Tujuan penerbitan untuk menyampaikan maklumat melalui pelbagai berita, rencana, laporan semasa berkaitan pendidikan dan penyelidikan UPM. Surat dan kiriman artikel hendaklah di alamatkan kepada:

Editor Tribun Putra

Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat Universiti Putra Malaysia 43400 Serdang, Selangor.

EDITORIAL TRIBUN PUTRA

PENASIHAT • Prof. Dato' Dr. Abdul Mu'ti Zamri Ahmad KETUA EDITOR • Prof. Madya Dr. Mohd Izani Mohd Zain EDITOR • Dahlan Ismail Abu Bakar
WARTAWAN • Noor Eszereen Juferi • Nurul Ezzaty Mohd Azhari • Nur Syamila Kamarul Arefin JURUFOTO • Marina Ismail Noor Azreen Awang
• Mohammad Izrul Abdul Jabar • Sabri Omar • Saleha Haron • Mozaed Idris PENYELENGGARA ONLINE • Rosliza Ibrahim • Hairul Nizam Md Nuri
PEMBANTU PENGEDARAN • Suhaimi Yaakub

Keutamaan pemilihan berita dan foto dalam akhbar Tribun Putra ialah berita korporat yang memaparkan pencapaian utama UPM dan berita yang paling berimpak tinggi di peringkat negara dan antarabangsa. Berita yang tidak terpilih untuk disiarkan dalam akhbar Tribun Putra akan disiarkan dalam berita laman web rasmi UPM. Pemilihan berita dan foto ialah hak eksklusif Editorial Tribun Putra.utra.

Telefon : 03-9769 6021 • Faksimili : 03-97698972 • Emel : mohd_izani@upm.edu.my | tp_pspk@upm.edu.my

Diterbitkan oleh Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat, Tingkat 3, Bangunan Canselor Putra, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM, Serdang, Selangor
Dicetak oleh ALAMEDIA SDN. BHD., NO. 14 Jalan Ip 1A/5, Taman Lestari Perdana, 43300 Seri Kembangan, Selangor